

GAYA KOGNITIF

Pengenalan


Bidang psikologi sering dikaitkan dengan aktiviti pengajaran. Kebelakangan ini terdapatnya kecenderungan untuk menjadikan dua bidang psikologi sebagai asas yang lebih berpotensi untuk membantu membuat keputusan tentang pengajaran. Bidang-bidang tersebut ialah bidang sains minda yang khusus dalam mengkaji fungsi otak dan bidang psikologi perbezaan individu yang mengkaji perbezaan atau gaya kognitif individu.

Konseptual Tempo

Menurut Messick, (1976) konseptual tempo ialah bagaimana penglibatan refleksi-impulsiviti dengan kecepatan dan ketepatan di dalam penyelesaian masalah. Orang yang refleksi ialah orang yang berhati-hati di dalam pelbagai hipotesis alternatif. Mereka mengambil masa yang lama untuk bertindak balas dan lebih tepat daripada orang yang impulsif. Manakala orang yang impulsif bertindak balas dengan cepat dan kerap pula melakukan banyak kesalahan (Messer 1976)

Konsep gaya kognitif ini muncul daripada usaha-usaha di dalam bidang psikologi perbezaan tingkah laku kognitif manusia. Apabila sesuatu perbezaan tingkah laku kognitif tertentu berlaku dalam keadaan yang hampir stabil dalam diri seseorang individu, maka label gaya kognitif diberikan kepada tajuk tingkah laku itu.

Orang yang reflektif akan mengambil masa yang lama untuk membuat perbandingan di antara gambar-gambar tersebut dan keputusannya akan lebih tepat berbanding dengan orang yang impulsif yang akan memilih dengan cepat tanpa membuat sebarang penelitian. Biasanya kanak-kanak tergolong di dalam golongan impulsif.



Apabila meningkat dewasa mereka akan lebih reflektif. Mereka akan mengambil masa yang lama untuk bertindak balas dan jawapan yang mereka beri biasanya lebih tepat (Messer, 1976)

Jenis-Jenis Gaya Kognitif

Terdapat beberapa jenis gaya kognitif yang telah diklasifikasikan oleh para ahli psikologi, antaranya adalah seperti yang telah disenaraikan oleh Messick. Beliau dan rakan-rakannya telah menerangkan di dalam buku mereka yang bertajuk “Individuality and learning” terdapat 19 gaya gaya kognitif. Antaranya adalah seperti berikut :

- i. Field-independent lawan Field-dependent
- ii. Gaya Pengonsepan
- iii. Keluasan Kategori
- iv. Perbezaan Konsep
- v. Meratakan lawan Menajamkan (Leveling vs Sharpening)
- vi. Scanning
- vii. Refleks lawan Impulsif
- viii. Mengambil Risiko lawan Berhati-hati

- ix. Toleransi untuk Pengalaman Aneh
- x. Pemikira Konvergen lawan Pemikiran Divergen

Faktor-Faktor Penentu Gaya Kognitif Individu

Apakah faktor yang menentukan sesuatu gaya kognitif seseorang individu itu. Daripada kajian yang telah dijalankan telah merumuskan faktor-faktor sosial merupakan faktor penting dalam proses perkembangan perbezaan individu berkaitan dengan gaya kognitif FI – FD. Kajian tentang pengalaman keluarga kanak-kanak yang mempunyai ciri field-independent (FI) atau field-dependent (FD) secara relatif menunjukkan bahawa keadaan hubungan seseorang kanak-kanak yang sedang membesar dengan ibunya sangat berkesan dalam menentukan gaya kognitifnya.

Ciri pemelihara kanak-kanak yang berkait rapat dengan perkembangan gaya kognitif FI ialah galakan awal ke arah fungsi autonomus kepada kanak-kanak (Witkin 1976:45). Satu lagi dapatan yang konsisten hasil dari begitu banyak kajian di seluruh dunia ialah perbezaan jantina dalam gaya kognitif FD. Ini mungkin disebabkan oleh perbezaan peranan yang diberikan kepada kanak-kanak yang berlainan jantina dalam masyarakat kita.


Ciri-Ciri Gaya Kognitif FI - FD

Setelah kita melihat pelbagai gaya kognitif dan faktor penentu serta kepentingannya sekarang kita akan memberikan tumpuan kepada apa yang dikatakan sebagai gaya kognitif field-independent dan field-dependent. Gaya kognitif ini telah diperkenalkan oleh Witkin rakan-rakannya. Mereka telah menghasilkan aktiviti penyelidikan yang meluas dan digunakan dalam pendidikan dengan banyaknya.

Pada asasnya gaya kognitif FI-FD ini melibatkan cara menanggapi alam sekeliling secara analisis berlawanan dengan cara global. Misalnya, apabila diberi suatu bentuk geometrik mudah yang disembunyikan dalam suatu bentuk kompleks, individu FI akan lebih cepat dapat mengasingkan bentuk mudah itu daripada persekitaran kompleksnya,

manakala individu yang global atau FD akan menghadapi kesukaran melakukan aktiviti ini.

Berepa contoh item dalam ujian Embedded Figures adalah seperti dalam rajah di sebelah :



Rajah 1. Sampel item ujian *Embedded Figures*

Peranan Gaya Kognitif Dalam Proses P & P

Pada amnya, individu yang memilih kerjaya sebagai seorang guru adalah mempunyai ciri-ciri FD. Tetapi terdapat sedikit perbezaan di antara mereka dari segi gaya kognitif FD-FI mengikut bidang pengkhususan mereka. Guru-guru yang memilih matematik atau sains, lebih berkemungkinan mempunyai gaya kognitif FI, manakala mereka yang memilih sains sosial dan kemanusiaan mempunyai gaya kognitif FD.


Penyelidikan tentang peranan gaya kognitif guru-guru dalam pendekatan pengajaran mereka menunjukkan beberapa dapatan yang menarik. Didapati bahawa orientasi sosial lawan impersonal yang berkaitan dengan gaya kognitif FD-FI adalah bidang yang paling mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik. Guru-guru yang bersifat FD lebih sukakan situasi pengajaran yang menggalakkan interaksi dengan pelajar, manakala guru-guru yang bersifat FI lebih sukakan situasi pengajaran yang impersonal dan berorientasikan kognitif.

Hemisferasiti Otak

Otak terletak di tempat paling atas sekali di dalam bahagian manusia. Manusia dengan keupayaan yang terhad adalah tidak berupaya atau di lihat sebagai mustahil untuk membina komputer yang setanding atau meniru keupayaan otak malahan telah dibuktikan kesusahannya walaupun untuk mendekatinya (Hanson & Olson, 1990). Berbillion-billion sel-sel saraf terbentuk di dalam hanya lima paun otak orang dewasa ini. Walau bagaimanapun keupayan otak ini menunjukkan perbezaan terhadap tingkah laku dan pemikiran setiap individu.


Dengan penggunaan “scanning” otak telah membolehkan kajian tentang otak dilakukan dengan begitu mudah tanpa melakukan sebarang pembedahan ke atas tengkorak seseorang individu. Keupayaan otak manusia melebihi spesies-spesies lain, namun tidak memeranjatkan jika fungsi-fungsi asas seperti bernafas, makan dan tidur kita kongsi bersama dengan haiwan-haiwan primitif yang lain adalah terarah oleh bahagian otak yang primitif.

Bahagian otak ini dikenali sebagai “central core” (otak tua) kerana bahagian ini telah ditemui pada 500 juta tahun lalu di dalam otak haiwan primitif. Untuk lebih jelas otak tersebut ditandakan dengan gambarajah berikut:



Gambarajah (+)

Di atas “spinal cord” daripada tengkorak untuk mengesan struktur ‘central core’ otak, kita akan berjumpa dengan medulla sila rujuk rajah di sebelah. Medulla ini mengawal fungsi badan yang paling kritikal seperti pernafasan dan tugas degupan jantung. Pons di dapati selepas medulla iaitu dua bahagian cerebellum. Pons ini bertugas sebagai penghantar maklumat, koordinat otot-otot dan di antara kiri dan kanan bahagian badan. Ia juga terlibat untuk mengawal tidur.



Gambarajah (5)

Cara Belajar dan Pembelajaran Individu Gaya Kognitif FI - FD

Dalam proses untuk menentukan cara atau kaedah belajar kita seharusnya melihat ciri-ciri gaya kognitif para pelajar kita. Individu-individu atau pelajar-pelajar FD dan FI tidak terlalu berbeza dari segi kebolehan pembelajaran atau ingatan. Tetapi mereka lebih terpengaruh oleh isi kandungan dan cara pengajaran. Pelajar FD biasanya menunjukkan kebolehan lebih baik dalam pembelajaran dan dapat mengingat bahan-bahan yang mempunyai isi kandungan berkaitan dengan sosial.

Kelebihan ini bergantung pada kebolehan mereka memberikan perhatian utama kepada bidang sosial. Sebaliknya prestasi individu FI tidak berapa baik tentang bahan-bahan yang berbentuk sosial kerana mereka kurang memberikan perhatian kepada bahan berbentuk sosial. Oleh itu apabila digunakan bahan-bahan berbentuk sosial begini dalam pengajaran, tumpuan utama haruslah diberikan kepada pelajar FI bagi membantu mereka dalam pembelajaran.

Dalam latihan-latihan pembentukan konsep, konsep-konsep yang ditakrif menggunakan sifat-sifat yang jelas (ketara), pada amnya lebih senang untuk dipelajari daripada konsep-konsep yang ditakrif menggunakan sifat-sifat yang kurang jelas. Dalam latihan-latihan seperti itu pelajar-pelajar FD pasti mengabaikan sesetengah sifat kerana tidak beberapa jelas. Sebaliknya pelajar-pelajar FI akan mengkaji semua sifat secara objektif untuk membentuk takrifan konsep. Ini mencadangkan bahawa pelajar-pelajar FD memerlukan contoh-contoh yang menunjukkan sifat-sifat yang jelas untuk boleh menakrifkan konsep, manakala pelajar-pelajar FI boleh memahami konsep-konsep walaupun ada sifat-sifat yang tidak relevan kepada takrifan konsep tersebut.

Penyelidikan-penyelidikan telah menunjukkan bahawa pencapaian pelajar yang lebih FD tidak mungkin sama baiknya dengan pencapaian pelajar FI dalam bidang sains dan matematik. Sekurang-kurangnya ini ialah suatu kenyataan benar apabila melihat cara disiplin-disiplin itu diajarkan sekarang. Juga nampaknya pelajar FD kerap membuat

pilihan akademik yang tidak sesuai dengan sifat kognitif mereka. Penukaran daripada bidang sains dan matematik kepada bidang lain adalah biasa dalam kalangan pelajar yang FD.